

# **STPM Kertas 1 2014:**

## **Soalan 3**

Maklumat yang berikut melibatkan perniagaan Percetakan Ekspres bagi tahun berakhir 31 Mei 2013.

- (1) Nota diterbitkan kepada pembekal pada 1 Julai 2012 bernilai RM240,000. Nota ini dikenakan faedah pada kadar 12% setahun yang perlu dijelaskan secara bulanan, manakala amaun pokok perlu dijelaskan dalam tiga ansuran yang sama samaunnya pada setiap 30 Jun bermula pada 30 Jun 2013. Faedah bagi bulan Mei 2013 belum dijelaskan lagi.
- (2) Amaun yang terhutang kepada pembekal daripada belian kredit ialah RM35,000.
- (3) Pendahuluan yang diterima daripada pelanggan untuk kerja yang akan dilaksanakan pada bulan November 2013 ialah RM2,700.
- (4) Belanja gaji pekerja dan bil utiliti bagi bulan Mei 2013 yang belum dijelaskan masing-masing berjumlah RM12,300 dan RM2,600.
- (5) Perniagaan ini sedang disaman oleh pelanggan kerana didakwa tidak menepati syarat kontrak dengan tuntutan ganti rugi berjumlah RM280,000. Kes ini akan dibicarakan pada bulan Julai 2013. Peguam bela menjangkakan perniagaan ini perlu membayar tuntutan ganti rugi itu.
- (6) Perniagaan ini memerlukan pembiayaan sebanyak RM500,000 untuk mengembangkan perniagaannya. Pertimbangan sedang dibuat sama ada membuat permohonan pinjaman jangka panjang daripada pihak bank atau mendapatkan modal tambahan daripada pemilik.

**Dikehendaki:**

- (a) Bagi setiap situasi di atas, nyatakan amaun liabiliti yang perlu ditanggung oleh perniagaan Percetakan Ekspres pada 31 Mei 2013, jika ada. Jika tiada amaun liabiliti yang perlu ditanggung oleh perniagaan ini, tulis "Tiada". Jelaskan bagaimana setiap liabiliti itu perlu didebak dalam penyata kewangan perniagaan. (9 markah)
- (b) Hitung jumlah liabiliti semasa perniagaan Percetakan Ekspres dan liabiliti jangka panjangnya pada 31 Mei 2014. (6 markah)
- (c) (i) Dengan merujuk kepada maklumat (6) di atas, tunjukkan kesan perubahan ke atas aset, liabiliti, dan ekuiti jika pembiayaan RM500,000 diperoleh daripada:
  - (1) Pemilik
  - (2) Pinjaman bank(2 markah)
- (ii) Sekiranya ekuiti perniagaan ialah RM1,300,000, hitung kedudukan kewangan perniagaan Percetakan Ekspres jika:
  - (1) pinjaman RM500,000 diperoleh daripada bank.
  - (2) modal tambahan RM500,000 diperoleh daripada pemilik perniagaan.Berikan pandangan anda terhadap kedudukan kewangan jika pembiayaan dibuat dengan tambahan modal. (3 markah)